

## **PEMBENTUKAN KEFAHAMAN PSIKOLOGI KAUNSELING MAHASISWA TERHADAP REKA BENTUK KESENIAN MELAYU BERDASARKAN STRATEGI PENDEKATAN TEMATIK**

Rozita Che Rodi

ita\_cherodi@upm.edu.my

*Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia*

Noor Syamilah Zakaria

syamilah@upm.edu.my

*Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia*

### **ABSTRAK**

*Pengajaran secara bertema merupakan pengajaran yang dapat disampaikan menerusi pembentukan konsep atau idea yang dirancang oleh pensyarah sebagai fasilitator dan mahasiswa sebagai protege. Medium ini akan membolehkan mahasiswa menganalisis, mengeneralisasi dan mengapikasi pengetahuan sedia ada serta membina pengetahuan baharu dalam pembelajaran secara holistik. Pendekatan tematik terbukti menjadi pusat idea sebagai titik permulaan pembelajaran dan sangat sesuai digunakan dalam proses perbincangan secara bertema yang dilakukan dalam aktiviti berkumpulan. Fokus kajian ini adalah untuk membangunkan modul khusus, menguji keberkesanan modul khusus dan seterusnya menganalisis keberkesanan strategi pendekatan tematik dalam teknik pengajaran dan pembelajaran dalam bidang kesenian Melayu dan psikologi kaunseling. Akhir sekali, jangkaan hasil penyelidikan ialah penghasilan satu modul khusus keberkesanan strategi pendekatan tematik berserta satu skala rubrikasi akan dihasilkan dengan berfokuskan kepada analisis keberkesanan teknik pengajaran dan pembelajaran dalam bidang kesenian Melayu dan psikologi kaunseling berdasarkan kepada teori estetika Islam dan teori kaunseling afektif.*

**Kata Kunci:** *Pendekatan tematik; kesenian Melayu; psikologi kaunseling*

### **PENGENALAN**

Pembelajaran secara pendekatan tematik berasal dari kata *integrated teaching and learning* atau *integrated curriculum approach*. Konsep ini telah lama dikemukakan

oleh John Dewey sebagai usaha mengintegrasikan perkembangan dan pertumbuhan pelajar serta memperkasa kemampuan perkembangan pelajar (Beans, 1993; Udin Sa'ud, 2006). Sementara itu, Jacob (1993) memandang pendekatan tematik sebagai suatu pendekatan kurikulum interdisiplin (*interdisciplinary curriculum approach*).

Pendekatan tematik ini merupakan suatu pendekatan dalam proses pembelajaran untuk menghubungkan dan mengintegrasikan bahan pengajaran dalam suatu mata pelajaran atau antara mata pelajaran dengan semua aspek perkembangan pelajar serta keperluan dan tuntutan persekitaran sosial keluarga. Terdapat banyak kebaikan berdasarkan pendekatan tematik dalam teknik pengajaran dan pembelajaran. Antaranya meningkatkan kecekapan tahap pemikiran pelajar; meningkatkan dan memperbaiki kualiti motivasi pelajar; menyediakan aktiviti pembelajaran yang lebih bermakna bagi pelajar sehingga hasil pembelajaran dapat bertahan lebih lama; memberi ruang dan peluang untuk pelajar berdikari; mengalami dan meneroka sesuatu pengalaman pembelajaran untuk diri sendiri dan bagi diri sendiri; serta menggalakkan pelajar menganalisis, membuat generalisasi, mengaplikasikan pengetahuan dan menyatukan fakta melalui pelbagai pengalaman dalam situasi yang berlainan.

Pada penghujung abad ke 20-an, terdapat ramai sarjana mula mendebatkan definisi *interdisciplinary* secara meluas (Beane, 1997; Fogarty, 1991; Jacob, 1989). Menurut Ellis dan Fouts (2001), reka bentuk asal kurikulum berintegrasi bermula dengan hasil kerja Dewey dengan agenda pendidikan progresif. Pendidikan progresif mengubah corak pendidikan daripada konsep pembelajaran yang berfokus kepada ingatan dan menghafal fakta kepada konsep pembelajaran yang lebih bermakna dan mempunyai hubungan antara konsep. Menurut Fogarty (1991), konsep *interdisciplinary* juga mempunyai pelbagai nama. Antara nama tersebut ialah *integration, multidisciplinary, transdisciplinary, thematic, connected, nested, sequenced, shared, webbed, threaded, immersed, networked, blended, unified, coordinated and fused*. Perbezaan maksud antara jenis *interdisciplinary* adalah kecil. Semua jenis *interdisciplinary* mempunyai fokus yang sama, iaitu menyediakan pengalaman belajar yang menyeluruh atau holistik kepada pelajar.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Pendekatan tematik perlu difahami dan seterusnya diaplikasikan sepenuhnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Namun hakikatnya, sejauh manakah konsep strategi pendekatan tematik ini difahami dan diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, terutamanya di peringkat pengajian tinggi? Hal ini penting dan perlu

dikenal pasti kerana pemahaman konsep yang tepat akan membawa kesan yang positif kepada penggunaan strategi pendekatan tematik yang lebih efisien. Sebaliknya dalam kes kajian ini, ketidakfahaman pensyarah sebagai fasilitator dan mahasiswa sebagai protege tentang konsep tersebut akan menyebabkan kedua-dua pihak akan menghadapi masalah dalam menyediakan rancangan pengajaran secara tematik, membangunkan modul tematik, mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran dan masih akan terikat pada pendekatan konvensional yang sedia ada.

Walaupun pengaplikasian strategi pendekatan tematik telah dilakukan, namun kebanyakannya hanya menjurus kepada teori dan kajian di seting sekolah sahaja dan tidak berfokuskan kepada penghasilan modul khusus berdasarkan pendekatan tematik kepada mahasiswa di universiti. Melalui cadangan kajian ini, pengkaji akan membangunkan satu modul khusus untuk membantu mahasiswa memahami dan mengikuti perkembangan topik pembelajaran dengan lebih berkesan berdasarkan strategi pendekatan tematik. Seterusnya, satu skala rubrikasi akan dihasilkan dengan berfokuskan kepada analisis keberkesanan teknik pengajaran dan pembelajaran dalam bidang kesenian Melayu dan psikologi kaunseling berdasarkan kepada teori estetika Islam dan teori kaunseling afektif.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini ialah untuk membangun modul khusus strategi pendekatan tematik dalam pengajaran dan pembelajaran bidang kesenian Melayu dan psikologi kaunseling; menguji keberkesanan pembangunan modul khusus strategi pendekatan tematik dalam pengajaran dan pembelajaran bidang kesenian Melayu dan psikologi kaunseling; dan menganalisis keberkesanan strategi pendekatan tematik terhadap pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan mahasiswa bidang kesenian Melayu dan psikologi kaunseling.

## **SOROTAN LITERATUR**

Sejak tahun 2002, Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia) mentakrifkan pendekatan tematik sebagai suatu usaha untuk mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai pembelajaran serta pemikiran yang kreatif dengan menggunakan tema. Setiap guru perlu menggalakkan pelajar berfikir secara kreatif dan kritis dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam hal ini, pembelajaran semula jadi dan bermakna kepada pelajar adalah pembelajaran secara membuat dan mengalami sendiri sesuatu aktiviti. Selain itu, Yuli Kwartolo (2007) mengatakan pembelajaran secara pendekatan tematik berupaya memberikan pengalaman belajar yang lebih

bermakna untuk setiap pelajar. Ini kerana pembelajaran tematik adalah suatu konsep pembelajaran yang melibatkan beberapa bidang pelajaran untuk memberikan pengalaman yang bermakna kepada pelajar dengan garapan suatu struktur kognitif yang bersepadu. Selain itu, konsep yang dipelajari pelajar pula diperoleh melalui pengalaman secara langsung, yang mana pelajar akan menghubungkan pengalaman secara langsung ini dengan konsep yang sudah terdahulu difahami (Zakaria, 2017; 2016; 2014; 2013). Antara ciri pendekatan tematik ialah holistik, bermakna, aktif dan autentik.

Selain itu, Indrawati (2009) menegaskan bahawa pendekatan tematik merupakan salah satu pendekatan yang digunakan dalam pelaksanaan kurikulum bersepadu. Pendekatan tematik merupakan pendekatan yang menggunakan tema sebagai isu utama pembelajaran dan di dalamnya meliputi beberapa mata pelajaran yang disepadukan. Wedi Agus (2009) pula mengatakan bahawa pembelajaran tematik melibatkan pelbagai mata pelajaran untuk memberikan pengalaman yang bermakna kepada pelajar merupakan model pembelajaran inovatif. Ringkasnya, pendekatan tematik menekankan penggunaan tema untuk menghasilkan pembelajaran yang aktif serta lebih bermakna dan menyeronokkan.

Kejayaan pelaksanaan pendekatan tematik sangat bergantung kepada kefahaman guru terhadap ciri-ciri pendekatan tematik, prinsip pendekatan tematik dan cara mengembangkan tema serta mengaitkan tema dengan isu utama mata pelajaran. Johannessen (2000) telah mencadangkan antara ciri unit tematik yang baik untuk dijadikan rujukan oleh guru ialah tema yang relevan, menarik, intelektual dan skopnya sesuai dengan kurikulum. Ciri kedua pula ialah guru perlu mempunyai rasional yang kuat dalam menyediakan asas intelektual bagi unit dan menjelaskan mengapa unit mempunyai nilai pembelajaran. Ciri ketiga ialah guru perlu ada kunci soalan yang boleh mengawal parameter dalam penerokaan. Kunci soalan unit tersebut merupakan satu set soalan beraras tinggi yang perlu dijawab oleh pelajar pada akhir pelajaran. Ciri seterusnya ialah pengenalan aktiviti hendaklah bermula dengan minat pelajar. Guru perlu menekankan keseronokan; mencungkil pengetahuan sedia ada pelajar tentang topik, permasalahan tentang tema atau konsep; mengemukakan kunci soalan unit; menyediakan tetangga atau peta kognitif untuk memahami tema; memastikan urutan aktiviti dan bahan adalah sistematik; memulakan pengajaran dengan membina tema atau konsep dan disusuli dengan mengemukakan soalan; menggunakan aktiviti dan bahan untuk mengeksploitasi pengalaman pelajar dalam mengembangkan tema; mensintesis dan menguji tema atau konsep; serta mengaplikasikan tema atau konsep yang mempunyai hubung kait dengan unit yang lepas atau pembelajaran lepas dengan

melibatkan proses relevan dan interaksi dengan rakan sebaya. Ciri terakhir pula ialah pengajaran tematik harus mengandungi penilaian dan pentaksiran dalam semua aspek dalam unit. Penilaian adalah implisit antara guru dan pelajar tentang apa yang perlu dipelajari oleh pelajar. Dalam pengajaran tematik, kunci soalan unit adalah panduan kepada pentaksiran. Penilaian melibatkan guru dan pelajar dalam menilai keberkesanan unit tema.

Penyelidik tempatan juga mempunyai pandangan masing-masing terhadap ciri dan prinsip pendekatan tematik. Menurut Nor Hashimah Hashim dan Yahya Che Lah (2003), pendekatan tematik menyediakan kandungan dan kerangka kerja untuk menyusun aktiviti pembelajaran dan merentasi pelbagai bidang. Pengajaran kemahiran yang disampaikan adalah secara berperingkat. Selain itu, pendekatan tematik membuka peluang untuk pelajar menerokai pelbagai bidang pengalaman melalui penglibatan aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Pengalaman guru dan pelajar perlu diberi perhatian sebelum memulakan pengajaran bertema. Unit-unit perlu dirancang berdasarkan minat pelajar dan bersesuaian dengan latar belakang pengalaman dan tahap perkembangan pelajar. Unit-unit tematik menyediakan ruang untuk pelajar memilih beberapa perbincangan individu dan kumpulan kecil bagi mewujudkan rasa kepunyaan dan kemasyarakatan apabila dapat belajar bersama-sama dan berkongsi pandangan intelek.

Bagi Noriati A. Rashid, Boon Pong Ping dan Sharifah Fakhriah Syed Ahmad (2009) pula, mereka mencadangkan beberapa prinsip pendekatan tematik. Antaranya ialah tema yang dipilih oleh guru harus bersesuaian dengan minat dan kebolehan serta pengalaman pelajar. Pemilihan tema yang bersesuaian akan dapat meningkatkan penglibatan pelajar semasa menjalani aktiviti di dalam kelas. Tema haruslah berkait rapat dengan kehidupan harian pelajar kerana pengalaman yang dibekalkan adalah benar dan memberikan makna yang lebih berkesan kepada pelajar (Zakaria, 2013). Ringkasnya, tema mempunyai skop yang luas dan meliputi pelbagai bidang. Selain itu, guru perlu bijak mencari dan memilih aktiviti untuk mengembangkan kemahiran pelajar. Skop yang sempit akan menyukarkan guru membuat perancangan aktiviti yang pelbagai. Di samping itu, sekuen sesuatu tema amat penting bagi pelajar bagi membolehkan mereka mengikuti perkembangan topik dengan lancar. Dengan sekuen, pelajar dapat melihat secara keseluruhan dan kesinambungan antara idea serta pembelajaran bermakna akan tercapai jika sekuen tema adalah teratur dan bersistematik. Aktiviti pembelajaran wajar dirancang berdasarkan tema yang merangkumi pelbagai bidang kurikulum. Penggabungan ini bertujuan untuk

menyumbang dari segi aspek intelek, emosi, jasmani dan sosial. Maka, pengajaran dan pengembangan tematik sememangnya memerlukan lambakan cetusan idea serta pengupasan idea yang pelbagai dari guru dan pelajar.

Sementara itu, pengkaji pembelajaran secara pendekatan tematik di Indonesia juga mengemukakan beberapa ciri dan prinsip berdasarkan pendekatan tersebut. Menurut Karli Hilda (2009), strategi pendekatan tematik mempunyai beberapa ciri seperti holistik, bermakna, autentik dan aktif. Beliau menegaskan bahawa tema yang dipilih harus diamati dan dikaji daripada pelbagai sudut pembelajaran supaya kelihatan menyeluruh dan menghasilkan pembelajaran yang bermakna bagi pelajar. Pendekatan secara tematik juga membolehkan pelajar memahami secara langsung konsep dan prinsip yang akan dipelajari. Pelajar berpeluang memahami hasil pembelajaran sendiri yang diperoleh daripada interaksi dengan pelbagai sumber pembelajaran, objek, fakta, peristiwa dan bukan sekadar hasil daripada pemberitahuan guru. Cara maklumat dan pengetahuan yang diperoleh menjadikan pendekatan tematik bersifat autentik. Seterusnya, pendekatan tematik dikembangkan berdasarkan cara inkuiri penemuan. Dalam konteks ini, pelajar terlibat secara aktif dari peringkat perancangan dan pelaksanaan sehinggalah ke peringkat penilaian.

Manakala Udin Sa'ud (2006) berpendapat bahawa pendekatan tematik adalah pendekatan holistik yang menggabungkan aspek-aspek epistemologi, sosial, psikologi dan pendekatan pedagogi untuk mendidik pelajar. Pendekatan ini menghubungkan minda dan badan, antara peribadi dan peribadi, antara individu dan masyarakat dan antara domain pengetahuan. Pendekatan tematik juga merupakan suatu sistem pembelajaran yang menyatukan beberapa mata pelajaran yang dikaitkan dengan satu pokok permasalahan (tema), sehingga terjadi kesepaduan antara yang satu dengan yang lain dan dapat memberikan pengalaman belajar yang bermanfaat bagi setiap pelajar. Pengalaman yang bererti tersebut ditunjukkan dengan kemampuan pelajar menghubungkan konsep-konsep yang telah dipelajari dengan aplikasi secara langsung dalam kehidupan seharian, sehingga pelajar tidak hanya menghafal perkara pokok saja (Zakaria, 2013). Pendekatan tematik juga menekankan pada pembelajaran yang mengajak pelajar untuk melakukan sesuatu gerak kerja bagi menggarap pengalaman pembelajaran mereka sendiri (*learning by doing*).

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini akan melibatkan tiga fasa, iaitu fasa pertama adalah melalui kaedah kepustakaan, iaitu melalui proses pendokumentasian segala maklumat berkaitan

pendekatan tematik dalam pengajaran dan pembelajaran bidang kesenian Melayu dan psikologi kaunseling. Antara tempat yang menjadi tumpuan dalam penyelidikan ini ialah Perpustakaan Negara Malaysia, Muzium Kesenian Islam, Arkib Negara, Dewan Bahasa dan Pustaka serta Lembaga Kaunselor (Malaysia). Kajian secara kaedah kepustakaan ini juga ditumpukan kepada jurnal dari dalam dan luar negara yang diperolehi secara atas talian.

Fasa kedua, penyelidik akan mengaplikasi kaedah lapangan dengan menumpukan kepada kaedah pemerhatian terhadap mahasiswa sewaktu menjalankan aktiviti temu bual dan rakaman mereka bersama responden yang mahir dalam bidang kesenian Melayu dan psikologi kaunseling. Ini bertujuan untuk menguji keberkesanan modul khusus strategi pendekatan tematik dalam pengajaran dan pembelajaran kedua-dua bidang. Temu bual mendalam separa berstruktur (*semi structured in-depth interview*) akan diaplikasikan oleh mahasiswa dalam kaedah ini. Seramai 10 orang tokoh budayawan dan 10 orang kaunselor berdaftar akan menjadi responden dalam penyelidikan ini. Manakala, seramai 40 orang mahasiswa yang mengikuti kursus BBM3302 Kesenian Melayu dan CPE3206 Teori dan Amalan Kaunseling Afektif akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Pelajar akan bertemu secara bersemuka dengan responden yang dipilih untuk mendapatkan huraian secara terperinci tentang situasi, peristiwa, generalisasi, aplikasi, interaksi dan tingkah laku yang berkaitan dengan kedua-dua bidang ini. Selain itu, mahasiswa yang terlibat akan melakukan rakaman untuk memperoleh data berkaitan tema yang diberikan. Kaedah ini mengambil masa selama 12 minggu daripada keseluruhan semester pengajian bertempat di beberapa lokasi terpilih termasuk di negeri Kelantan, Terengganu dan Negeri Sembilan. Justifikasi pemilihan lokasi ialah kerana di ketiga-tiga negeri tersebut masih terdapat pengekalan tradisi warisan dan budaya Melayu lama dari segi seni bina rumah, seni pertukangan, seni ukiran, dan lain-lain cabang kesenian yang menjadi tonggak warisan Melayu sejak berzaman lamanya. Melalui kaedah ini, mahasiswa akan memperoleh kefahaman yang meluas dan sempurna terhadap tema yang diberikan di samping mendapat input baharu terhadap bidang masing-masing. Ini kerana aktiviti yang dijalankan secara pendekatan tematik itu akan membantu mahasiswa dalam memahami pembentukan psikologi kaunseling dalam reka bentuk kesenian Melayu. Sebagai contoh, persoalan tentang apakah bentuk atau keadaan emosi semasa seseorang tukang ukir sehinggakan kadang-kadang ada ukiran berbentuk sedih atau airmata dalam penghasilan wau atau layang-layang akan mungkin terjawab dalam kajian ini.

Sementara itu, tunjang bagi penyelidik dalam mengaplikasi kaedah lapangan dengan menumpukan kepada kaedah pemerhatian terhadap mahasiswa melalui pengajaran secara pendekatan tematik adalah seperti yang berikut :

- a) Tema yang dipilih harus sesuai dengan minat dan kebolehan serta pengalaman mahasiswa;
- b) Tema harus berkait rapat dengan kehidupan harian mahasiswa;
- c) Tema mempunyai skop yang luas dan meliputi pelbagai bidang;
- d) Sekuen sesuatu tema amat penting agar mahasiswa dapat mengikuti perkembangan topik dengan lancar;
- e) Aktiviti pengajaran dan pembelajaran berdasarkan tema harus merangkumi pelbagai bidang kurikulum; dan
- f) Penggabungan jalinan dalam pengajaran dan pengembangan tematik memerlukan pencetusan idea yang banyak dan pelbagai.

Fasa ketiga, penyelidik akan menggunakan kaedah soal selidik dengan menyediakan rubrikasi khusus kepada mahasiswa berdasarkan teori estetika Islam serta teori kaunseling afektif untuk menganalisis keberkesanan strategi pendekatan tematik terhadap pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan mahasiswa yang mengikuti kursus kesenian Melayu dan psikologi kaunseling. Skala rubrikasi analitik akan disediakan oleh penyelidik dan mahasiswa kedua-dua kursus akan menjawab soal selidik tersebut. Pembinaan pengisian rubrikasi tersebut adalah berdasarkan teori estetika Islam dan teori kaunseling afektif. Skala rubrikasi tersebut akan dibahagikan kepada lima tahap, iaitu: (i) tidak berkesan, (ii) kurang berkesan, (iii) sederhana berkesan, (iv) berkesan dan (v) sangat berkesan. Hasilnya, skor pengukuran akan diperoleh berdasarkan jawapan yang dipilih oleh mahasiswa. Contoh skala rubrikasi analitik yang akan disediakan oleh penyelidik dan soal selidik tersebut harus dijawab oleh mahasiswa kedua-dua kursus adalah seperti berikut:

Jantina	Perkara			Nilai Setiap Kriteria
	Tahap Prestasi 1	Tahap Prestasi 2	Tahap Prestasi ... n	
	Skor/Nilai*	Skor/Nilai	Skor/Nilai	
Lelaki	Deskripsi 1.1	Deskripsi 1.2	Deskripsi 1.n	
Perempuan	Deskripsi 2.1	Deskripsi 2.2	Deskripsi 2.n	
Jumlah Skor/Nilai Keseluruhan				



## **ANALISIS DATA**

Penyelidik akan mengumpul data yang secara majoriti diperoleh dalam bentuk kata-kata dan gambar yang diungkapkan dan dihasilkan oleh responden penyelidikan. Sebelum penyelidikan ini dilaksanakan, penyelidik akan meneroka pengalaman diri berkaitan dengan strategi pendekatan tematik dalam cabang ilmu kesenian Melayu dan psikologi kaunseling untuk meneliti bias dan andaian awal. Penyelidik akan menyimpan jurnal dan memo untuk merekodkan pemikiran peribadi, perasaan, andaian, motif dan rasional berkaitan reaksi semerta terhadap fenomena yang dikaji.

Prosedur analisis data akan berlaku serentak dengan proses pengumpulan data. Dari permulaan pemerhatian pertama, temu bual pertama dan semakan dokumen pertama yang dibaca ataupun dianalisa, penyelidik akan menginterpretasi makna fenomena yang dilihat, mengembang andaian tentang apa yang dimaksudkan, menjangka pemahaman yang muncul dan mencari hipotesis tentatif untuk mengesahkan andaian dalam pemerhatian, temu bual dan semakan dokumen kedua yang dibaca ataupun dianalisa. Proses analisis data yang sama akan berulang sehingga pemerhatian, temu bual dan semakan dokumen yang terakhir berlaku.

## **KESIMPULAN**

Dalam kertas kerja ini huraian tentang pembangunan modul khusus strategi pendekatan tematik dalam pengajaran dan pembelajaran bidang kesenian Melayu dan psikologi kaunseling diharap dapat membantu dalam meningkatkan perkembangan kognitif, psikomotor dan afektif mahasiswa. Selain itu, pengujian keberkesanan pembangunan modul khusus strategi pendekatan tematik dalam pengajaran dan pembelajaran bidang kesenian Melayu dan psikologi kaunseling secara tidak langsung akan membantu pelajar dalam menyediakan pengalaman dan kegiatan pembelajaran mahasiswa yang sentiasa relevan dan menyeronokkan. Di samping itu juga dapat menggalakkan perkembangan kemahiran berfikir mahasiswa dan mengetengahkan ketrampilan bersosial mahasiswa seperti kerjasama, toleransi, komunikasi dan hormat terhadap pandangan orang lain. Dari aspek menganalisis keberkesanan strategi pendekatan tematik terhadap pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan mahasiswa bidang kesenian Melayu dan psikologi kaunseling, kajian ini juga diharap membantu pelajar membuat pemilihan kegiatan dalam pelaksanaan pembelajaran tematik yang bersesuaian dengan minat dan keperluan mahasiswa.

## NOTA PENGHARGAAN

Kertas kerja penuh ini ditulis berdasarkan kemajuan semasa aktiviti penyelidikan yang dibiayai melalui Geran Insentif Penyelidikan Pengajaran dan Pembelajaran (GIPP - Penyelidikan Kolaborasi di antara Fakulti) oleh Pusat Pembangunan Akademik, Universiti Putra Malaysia yang bermula pada 1 Disember 2017 dan akan berakhir pada 30 Mei 2019.

## RUJUKAN

- Beane, J. (1997). *Curriculum integration: Design the core of democratic education*. New York: Teacher College Press.
- Brandt, R. (1991). On interdisciplinary curriculum: A conversation with Heidi Hayes Jacobs. *Educational Leadership*, 49(2): 66.
- Corey, G. (2012). *Theory and practice of counseling and psychotherapy (9th Edition)*. Belmont, CA: Brooks/Cole.
- Gladding, S. (2014). *Counseling theories for human services practitioners: Essential concepts and applications*. Upper Saddle River, NJ: Pearson.
- Imam Khanafie Al-Jauharie. (2006). *Filsafat Islam: Pendekatan tematik*. Pekalongan: STAIN Pekalongan Press.
- Karli Hilda. (2009). Pembelajaran tematik dan pembelajaran fragmented di sekolah dasar. *Jurnal Pendidikan Penabur*, 13(8): 71-79.
- Kon Chon Min. (2014). *Kefahaman dan amalan terhadap pendekatan tematik daripada perspektif Guru Kemahiran Hidup Bersepadu di Negeri Perak*. (Tesis Master). Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Melati Sumari, Ida Hartina Ahmed Tharbe, Norfaezah Md Khalid, & Azmawaty Mohamad Nor. (2014). *Teori kaunseling dan psikoterapi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Saleh Haji. (2009). Dampak penerapan pendekatan tematik dalam pembelajaran matematika di sekolah dasar. *Jurnal Pendidikan*, 10(1): 1-10.
- Sapora Sipon & Ruhaya Hussin (2013). *Teori kaunseling dan psikoterapi (Edisi keempat)*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Sutirjo dan Sri Istuti Mamik. (2005). *Tematik: Pembelajaran efektif dalam kurikulum 2004*. Malang: Bayumedia Publishing.
- Zakaria, N. S., Warren, J., & Bakar, A. R. (2017). Counseling ethics education for enhanced professional identity and development: Guidance and counseling teachers lifelong learning acquisition empowered. In I. H. Amzat, & N. P. Valdez (Eds.), *Teacher Empowerment for Professional Development and Practice: Perspectives Across Borders*, 153-166. Singapore: Springer. doi: 10.1007/978-981-10-4151-8
- Zakaria, N. S., & Warren, J. (2016). Counseling ethics education: Teaching and learning development reformation. In I. H. Amzat, & B. Yusuf (Eds.), *Fast*

forwarding Higher Education Institutions for Global Challenges: Perspectives and Approaches, 83-96. Singapore: Springer. doi: 10.1007/978-981-287-603-4

Zakaria, N. S., & Warren, J. (2014). Inquiry-based teaching and learning in counseling ethics education. In P. Blessinger, & J. M. Carfora (Eds.), *Inquiry-Based Learning for the Arts, Humanities, and Social Sciences: A Conceptual and Practical Resource for Educators (Innovations in Higher Education Teaching and Learning, 2*, 147-167. Bingley, UK: Emerald Group Publishing. doi.org/10.1108/S2055-364120140000002018

Zakaria, N. S. (2013). *Counseling ethics education experience: An interpretive case study of the first year master's level counseling students (Doctoral dissertation)*. ProQuest Dissertations and Theses (UMI 3562075).